



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

9 Mac 2019

KES PEMBUANGAN HARAM BAHAN KIMIA DI SUNGAI KIM-KIM, PASIR GUDANG

PELAKU KEJADIAN BAU BAHAN BERBAHAYA YANG KUAT DI JALAN CERMAI 13, TAMAN KOTA MASAI, PASIR GUDANG AKAN DIKENAL PASTI OLEH JAS

9 Mac 2019, Putrajaya – Jabatan Alam Sekitar (JAS) giat menyiasat bagi mengenal pasti pelaku yang telah menyebabkan bau bahan berbahaya yang kuat di kawasan penempatan penduduk Taman Kota Masai dan Taman Pasir Putih pada 7 Mac 2019. Dalam masa yang sama, orang ramai dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti-aktiviti di luar dan memakai topeng sehingga keadaan pembersihan selesai.

JAS telah mengambil sampel bahan berbahaya berkenaan di lokasi Sungai Kim Kim dan telah dihantar ke Jabatan Kimia Negeri Johor untuk analisis lanjut dan keputusan ke atas sampel berkenaan akan dikemukakan oleh Jabatan Kimia Negeri Johor dalam masa terdekat.

Siasatan awal JAS mendapati sisa buangan bahan berbahaya tersebut merupakan buangan terjadual yang dibuang secara haram ke Sungai Kim Kim dan merupakan kesalahan yang serius di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

JAS kini meneruskan pemantauan berterusan terhadap tahap bacaan bahan berbahaya di sekitar kawasan terjejas sehinggalah kawasan tersebut didapati selamat dan tidak mengancam kesihatan penduduk dan murid-murid di sekolah berhampiran.

JAS akan menjalankan penguatkuasaan di sekitar kawasan Perindustrian Pasir Gudang terutamanya ke atas industri-industri yang disyaki membuang bahan berbahaya berkenaan. Tindakan undang-undang yang tegas juga akan diambil ke atas mereka yang didapati bersalah.

Bagi menangani perkara ini, pemantauan bersepadu antara JAS dan semua agensi berkaitan akan dijalankan secara berterusan ke atas kilang-kilang ataupun apa-apa kemudahan yang terlibat dengan pembuangan bahan berbahaya berkenaan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan jika sabit kesalahan akan didenda tidak lebih RM500,000 dan dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun. Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan boleh berhubung dengan JAS di talian 1800 88 2727.

Pasukan HAZMAT, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendapati punca bau tersebut datang dari kawasan Sungai Kim Kim berhampiran tapak projek pembinaan jambatan yang menghubungkan Taman Pasir Putih ke Taman Kota Masai. Pasukan HAZMAT juga mengesyaki terdapat kesan pembuangan bahan berbahaya ke dalam sungai tersebut dan mengalir ke bahagian hilir dan melalui kawasan Taman Perumahan Taman Pasir Putih dan kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih.

Memandangkan tahap bau yang kuat dan seterusnya mengakibatkan murid-murid mengalami muntah-muntah dan pengsan, JBPM telah mengambil tindakan untuk membuat proses “pengungsian” di sekitar kawasan kejadian yang membabitkan

1,400 pelajar dan guru dari kedua-dua sekolah terbabit. Berikutan ini, sehingga 8 Mac 2019 pukul 9.30 malam, sebanyak 79 kes telah dirujuk untuk rawatan lanjut akibat insiden bau yang kuat dari buangan bahan kimia ini. Daripada bilangan ini, sebanyak 32 kes dirawat sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan dan 47 kes telah dimasukkan ke wad di Hospital Sultan Ismail. Sehingga 8 Mac 2019, 16 kes telah discaj dan 31 kes masih lagi menerima rawatan di wad.

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) memaklumkan bahawa tiga perkara akan dilaksanakan bagi menangani isu ini iaitu:

- i. mengenal pasti bentuk bahan buangan tersebut sama ada dalam bentuk cecair, gas atau serbuk;
- ii. melaksanakan *finger printing* untuk mengecam elemen-elemen unik dalam kompaun bahan tersebut supaya dapat mengenal pasti identiti dan menjejaki pesalah; dan
- iii. melakukan *profiling* bahan untuk mengenal pasti rantaian (*chain*) daripada pengeluar, pembuat, pembekal dan pembeli bahan buangan supaya pelaku dapat dijejaki.

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Tumpahan Bahan Kimia di Sungai Kim Kim membuat keputusan bahawa kawasan kejadian masih dalam keadaan tidak selamat dan pemantauan akan dibuat secara berterusan.

- Tamat -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sharudin Rosli

Pegawai Perhubungan Awam

Jabatan Alam Sekitar

Agensi MESTECC

Tel: 012-3023864